

## Tahap Kefahaman dan Kemahiran Pengajaran Matapelajaran Jawi dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (The Level of Understanding and Teaching Skills of Jawi Subjects Among Islamic Education Teachers)

Mohamad Radhi Mohamad Yusof  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
radhi.yusof@gmail.com

Hafizhah Zulkifli  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
hafizhah\_zulkifli@ukm.edu.my

### Abstrak

Pendidikan Islam adalah satu subjek yang utama dalam sistem Pendidikan Kebangsaan dan ia adalah satu matapelajaran penting yang terkandung dalam sistem kurikulum pendidikan. Justeru kajian ini dilaksanakan bertujuan bagi merungkai tahap kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi, mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama berdasarkan jantina, umur, tahap pendidikan dan pengalaman kerja serta hubungan antara kefahaman dan kemahiran di kalangan guru Agama. Kajian ini telah di jalankan dengan kaedah kajian tinjauan berdasarkan borang soal selidik sebanyak 140 responden yang terdiri semuanya daripada para guru Agama di satu kawasan zon 6 Kuala Lumpur. Hasil dapatan kajian deskriptif menunjukkan bahawa min kefahaman dan kemahiran guru Agama berada pada tahap yang tinggi. Hasil analisis inferensi menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan jantina, umur, dan pengalaman kerja. Manakala terdapat hubungan positif di antara kefahaman dan kemahiran di kalangan guru Agama. Oleh yang demikian, hasil daripada dapatan kajian ini membuktikan bahawa guru-guru Agama mempunyai kefahaman dan kemahiran yang baik dalam pengajaran matapelajaran Jawi dan sekaligus menjadi pemangkin seorang pendidik yang berkualiti.

**Kata kunci:** Pengajaran, Matapelajaran Jawi, Kefahaman, Kemahiran, Guru Agama

### Abstract

Islamic education is a major subject in the National Education system and it is an important subject contained in the education curriculum system. Therefore, this study is conducted to unravel the level of understanding and skills of Religious teachers on teaching Jawi subjects, identify significant differences between the understanding and skills of Religious teachers based on gender, age, level of education and work experience and the relationship between understanding and skills among teachers Religion. This study was conducted with a survey study method based on a questionnaire of 140 respondents consisting of all religious teachers in one area zone 6 Kuala Lumpur. The results of the descriptive study show that the mean of understanding and skills of Religious teachers are at a high level. The results of the inference analysis show that there is no significant difference between the understanding and skills of Religious teachers on the teaching of Jawi subjects based on gender, age, and work experience. While there is a positive relationship between understanding and skills among Religious teachers. Therefore, the results of this study prove that Religious teachers have a good understanding and skills in teaching Jawi subjects and at the same time become a catalyst for a quality educator.

**Keywords:** Teaching, Jawi Subjects, Understanding, Skills, Religious Teachers

Article Progress  
Received: 18 January 2021  
Revised: 01 February 2021  
Accepted: 15 February 2021

## 1. PENGENALAN

Kemajuan dalam bidang pendidikan yang meluas dan seimbang telah membangkitkan suatu revolusi di zaman kecemerlangan dan kegemilangan Tamadun Islam di masa dahulu. Sistem pendidikan yang berteraskan satu pegangan iaitu al-Quran dan as-Sunnah ini telah memberi impak dan keberkesanan dalam mendidik manusia yang hebat dan seimbang dari pelbagai aspek dan elemen dengan mengharapkan kejayaan dan keredhaan di dunia dan juga di akhirat. Pelajaran Jawi adalah satu cabang ilmu, kemahirannya dan tekniknya yang terdapat dalam silibus agama. Pengkaedah penulisan Jawi ini adalah satu bentuk seni penulisan seperti bentuk-bentuk penulisan yang lain (Fatimah Saufee, 2006). Bagi memastikan matlamat penguasaan ini tercapai, ia memerlukan beberapa kaedah yang perlu dilakukan antaranya pendekatan ilmu, dan berkemahiran yang proaktif daripada warga pendidik dengan pelbagai cara dan gaya terkini bertetapan dengan peredaran masa alaf baru. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Dokumen asal Guru Malaysia (SGM) telah dikenalkan sebagai rujukan dan panduan dalam membina guru yang berkualiti. SGM ini telah menetapkan cara melahirkan seorang guru yang kompetensi ini melalui pelbagai sektor bertujuan untuk memiliki standart guru berkualiti (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Perkara yang paling utama dalam polisi perubahan pendidikan harus dirangka bertunjangkan persetujuan semua pihak dalam kalangan ahli akademik bahawa guru kompeten yang berkualiti adalah penyumbang terbesar dalam sesuatu keberkesanan murid.

Dalam satu kajian yang telah dibuat oleh (Ab. Halim, 2003) menyatakan bahawa banyak pendekatan telah diutarakan yang terdiri daripada ahli-ahli akademik sebagai rujukan kepada para pendidik. Ini membuktikan bahawa guru-guru agama seharusnya memahami kesemua ilmu tentang konsep pengajaran dan menyalurkan kesemua ilmu agama dengan baik dan menyeluruh. Menurut al-Syaibani dalam Ismail Ab. Rahman (1992:165) menyatakan bahawa kaedah mengajar bererti segala tindakan guru dalam membuat rancangan matapelajaran yang diajar, ciri-ciri kognitif murid, keadaan sekeliling yang mendorong para pelajar memiliki suasana pembelajaran yang menarik. Namun demikian, terdapat tenaga pengajar yang tiada menghiraukan dan kurang mengaplikasikan kepenggunaan elemen yang betul kepada murid. Ibnu Khaldun dalam Ismail Abdul Rahman (1992:112) berpandangan bahawa kami mendapati terdapat para guru di waktu kami tidak mempunyai pendekatan pengajaran yang baik dan kesannya terhadap pengajaran dan pembelajaran mereka. Pada permulaan pembelajaran lagi guru-guru ini telah memulakan dengan banyak masalah yang payah untuk pelajar menguasainya. Banyak guru sendiri yang menyusahkan situasi ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dan seterusnya akan memberi kesan kepada para pelajar dan akhirnya ilmu yang diajarkan oleh guru ini tidak boleh diaplikasikan bagi murid-murid ini. Menurut (Ghazali, Nik Mohd Rahimi & Parilah, 2010) kelemahan pelajar mempunyai hubungan yang signifikan yang dekat dengan peranan guru.

Namun, guru jugalah yang menjadi ketentuan kejayaan sesuatu pembelajaran di dalam kelas. Terdapat 3 elemen yang membawa kepada keberhasilan sesuatu pengajaran dan juga pembelajaran itu antaranya adalah guru yang mahir dalam semua bahasa, guru boleh kuasai lengkok Bahasa dan yang akhirnya adalah personaliti guru itu sendiri. Kurangnya kemahiran dalam penguasaan bacaan Al-quran juga penyebab daripada kelemahan dalam matapelajaran Jawi (Nur Syamira, Maimun & Aishah, 2016). Antara sebab murid lemah dalam memahami dan mendalami matapelajaran Jawi ini adalah disebabkan Guru Pendidikan Islam kurang mahir dalam pelbagai teknik dan kaedah Bhasah et al., (2012). Mardhiyyah (2012) dalam kajian yang telah dilakukan juga menyatakan bahawa murid tahun 3 sekolah di Sarawak juga lemah dalam penguasaan matapelajaran Jawi ini disebabkan oleh faktor guru iaitu guru kurang mahir dalam PdPc matapelajaran Jawi. Murni (2013) pula menyatakan bahawa, pendekatan pelaksanaan pengajaran Jawi oleh Guru Pendidikan Islam juga menyebabkan murid tidak mampu untuk menguasai matapelajaran Jawi. Contohnya seperti pendekatan pedagogi

yang digunakan oleh Guru Pendidikan Islam sama sahaja walaupun terdapat keberangkilian ada pelajar pandai dan pelajar kurang mahir di dalam kelas tersebut. Menurut Ab Halim, Kamarulzaman, Rosli et al. (2012) dalam kajian yang telah mereka jalankan menunjukkan, teknik yang digunakan oleh Guru Pendidikan Islam dalam PdPc sekolah di Selangor melalui borang soal selidik daripada hasil dapatan menunjukkan teknik membaca huruf mendapat min yang banyak iaitu 4.61, teknik latihan min 4.53 dan teknik kuliah min 4.31. Seterusnya markah min yang paling sedikit adalah teknik akhbar dalam darjah yang mendapat min 3.39 dan juga menulis rencana ringkas min sebanyak 3.77. Ini dapat di buat kesimpulan bahawa majoriti Guru Pendidikan Islam melaksanakan pendekatan yang berpaksikan guru antaranya memberi kuliah dan syarahan, manakala PdPc matapelajaran Jawi ini juga kurang diberi pendekatan yang berpaksikan murid. (Ab Halim, et al., (2012)

Oleh demikian, pengkaji mengambil inisiatif bagi mengkaji tahap kefahaman dan kemahiran pengajaran matapelajaran Jawi dalam kalangan guru agama. Pelaksanaan PdPc matapelajaran Jawi ini membabitkan aneka bentuk dan teknik antaranya mengukur tahap kecekapan guru dalam memberi ilmu kepada murid-muridnya. Namun kajian ini dijalankan bertitik tolak kepada kurangnya kemahiran dari pelbagai aspek antaranya latihan, pelaksanaan, pendekatan tentang teknik atau kaedah pengajaran dan juga pembelajaran. Pengkaji mengharapkan permasalahan dan isu yang berbangkit ini dapat mengorak langkah ke arah penambahbaikkkan bagi mencapai objektif dan seruan arus pembaharuan pendidikan masa kini.

### 3. KAJIAN LITERATUR

Keberhasilan pengajaran pendidik itu terbukti dengan melihat tahap pemahaman pelajarinya dalam sesi PdPc (Ableser, 2012). Melihat dalam kaca mata matapelajaran Jawi ini, keberhasilan pengajaran ini dinilai dengan melihat objektif dan juga misi yang besar iaitu untuk merealisasikan gesaan Kementerian Pendidikan Malaysia yang mahu melihat pelajar-pelajar ini dapat memupuk rasa sayang dan cinta dalam usaha memartabatkan suatu seni warisan budaya bangsa.

Kaedah dalam erti kata lain bermaksud satu usaha bagi melakukan sesuatu pengajaran secara terancang (Kamarudin, 1994) dan (Anuar & Nelson 2015). Oleh yang demikian, konsep kaedah pengajaran Jawi ini dapat di rungaikan sebagai suatu tindakan usaha yang bersistematik dalam membina aktiviti-aktiviti mengajar matapelajaran Jawi terhadap murid. Kaedah pengajaran sangat penting sebagai batu loncatan kepada aspek kefahaman, minat dan juga keterlibatan murid di dalam PdPc (Normazidah, 2012). Mohd Zaidi, (2005) menyatakan bahawa, betapa pentingnya kaedah pengajaran ini bagi guru-guru sehingga jika seseorang guru itu mempunyai asas ilmu yang tinggi dan juga memiliki kelayakan akademik yang cemerlang belum tentu lagi ia boleh menjamin kecemerlangan pelajarinya melainkan guru tersebut memiliki kaedah mengajar yang bersistematik. Abdul Rahim et al., (2000); Muhamad Zaki, Razali, Azman et al., (2013) pula menyatakan para guru perlu mempelbagaikan kaedah mahupun teknik supaya ia nampak lebih berkesan berbanding menggunakan kaedah yang sama sahaja.

Justeru itu, pemikiran yang kreatif dan berinovasi seseorang Guru Agama bagi menyesuaikan bentuk pengajaran perlu dilihat lebih efektif supaya ia dapat dilaksanakan kepada pelajar-pelajar dalam usaha untuk mendapat manfaat pengajaran matapelajaran Jawi yang berkesan. *Teknik* pula dilabelkan kepada sesuatu perkara yang ada di dalam kelas (Azman, 1987), iaitu tindakan seseorang dalam melakukan satu kaedah pengajaran (Mok, 2006). Namun terdapat kajian yang lepas menunjukkan penglibatan murid dalam menguasai matapelajaran Jawi masih diperingkat yang terendah (Madiah, (2007); Faisal & Niswa (2009); Asyraf Ridwan & Berhanudin (2015)). Menurut pandangan Faisal et al., (2009), penglibatan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha untuk meningkatkan matapelajaran Jawi di peringkat sekolah masih kurang memberansangkan.

Daripada pernyataan-pernyataan yang diberikan dapatlah di rumuskan bahawa mana-mana pelajar sama ada yang boleh kuasai matapelajaran Jawi ataupun tidak membuktikan keberangkilian pengajaran Guru Pendidikan Islam ini kurang berkesan dan tidak dapat menarik minat para pelajarinya (Nik Rosila, 2007). Di sini boleh disimpulkan bahawa kualiti dan kompetensi Guru

Pendidikan Islam masih terlalu banyak kekurangan yang perlu kepada penambahbaikan. Pelaksanaan yang berkesan adalah faktor utama dalam keberhasilan pengajaran seseorang guru bagi memartabatkan matapelajaran Jawi. Sebelum Guru Pendidikan Islam masuk ke dalam kelas, para guru perlu tahu dan mengenali kaedah yang hendak dilaksanakan di dalam kelas tersebut (Asyraf Ridwan, 2013) dan seterusnya dapat melaksanakan proses PdPc dengan lancar dan teratur. Pemilihan kaedah yang betul dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai faktor yang tinggi kepada keberkesanan PdPc dalam kelas dan sekaligus mampu menarik minat pelajar dalam menguasai matapelajaran Jawi (Kamarul Azmi & Abdul Halim, 2014). Pengajaran Jawi memiliki teknik yang tersendiri dan telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) namun pendekatan ini hanya untuk semua calon Guru pendidikan Islam di Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015).

Guru Pendidikan Islam disarankan menggunakan beberap kaedah yang disyorkan dalam pengajaran matapelajaran Jawi antaranya, (1) pandang sebut, (2) huruf atau abjad, (3) bunyi (fonetik), (4) mengeja atau membatang, (5) imlak, (6) latihan pengukuhan, (7) permainan dan (8) nyanyian (Asyraf Ridwan, 2013). Melalui kaedah ini dapatlah Guru Pendidikan Islam menggunakannya supaya ia nampak lebih berkesan dalam PdPc pengajaran Jawi. Sebagai contoh kaedah permainan dalam matapelajaran Jawi adalah satu pendekatan yang baru dalam pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Pengajaran Jawi yang berkesan yang telah disampaikan oleh Guru Pendidikan Islam akan membantu kepada keberkesanan penguasaan murid terhadap matapelajaran Jawi dan sekaligus ia membawa kepada kecintaan setiap murid pada seni warisan budaya bangsa.

Dalam Falsafah Pendidikan Islam, aspek dalam menguasai kemahiran Jawi adalah perkara yang sangat penting kerana hampir sebahagian bahan Pendidikan Islam merupakan dalam bentuk tulisan Jawi menurut Norizan dan Nor Azan (2013). Malah pelajar juga perlu cekap dan fasih dalam penguasaan membaca dan menulis tulisan Jawi yang akhirnya mereka ini boleh menguasai membaca al-Quran dengan lancar. Kurangnya penggunaan Jawi ini akan mengakibatkan seseorang itu tidak dapat membaca al-Quran dengan baik. Justeru, kefasihan dan kecekapan yang tinggi dalam menguasai ilmu Jawi ini membolehkan seseorang cekap dalam menguasai ilmu al-Quran (Mardhiyyah et al., 2012). Faisal et al., (2009) dalam kajiannya telah mengupas walaupun pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah sekian lama memperkenalkan program j-QAF bagi menambahkan lagi penguasaan ilmu Jawi, Fardhu Ain dan juga kelas al-Quran, namun hakikatnya ia tidak menampakkan hasil yang positif. Sekaligus hal ini menyebabkan keciciran para pelajar dalam menguasai bidang ilmu al-Quran dan tulisan Jawi itu sendiri. Menyedari dengan permasalahan ini, penulis mendapati bahawa terdapat hubung kait antara penguasaan Jawi dengan ilmu al-Quran. Para guru seharusnya bijak dan pandai dalam memilih teknik semasa proses PdPc (Akmariah & Sofea, 2010). Justeru, guru Pendidikan Islam perlu mempelbagaikan kepenggunaan kaedah dan teknik khususnya dalam bidang al-Quran mahupun Jawi dan sekaligus akan mempertingkatkan kualiti pengajaran dan juga pembelajaran mereka supaya lebih menarik dan berkesan. Terdapat rungutan di kalangan guru Pendidikan Islam dalam menghabiskan silibus mereka terutama dalam pengajaran tilawah al-Quran. Mohd Aderi (2009) berpandangan bahawa, guru Pendidikan Islam seharusnya memiliki kebijaksanaan dalam menyusun teknik dan juga kaedah sesuai bagi meningkatkan lagi mutu pengajaran khususnya pembacaan al-Quran. Ini membuktikan guru-guru Pendidikan Islam telah menyahut seruan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi melahirkan guru yang berkompentensi tinggi pada abad ini.

Membaca dan menguasai ilmu al-Quran adalah fardhu ain bagi orang Islam. Justeru, ilmu al-Quran sangat penting dalam menjaga dan memastikan sesuatu ibadah solat itu menjadi sah. Justeru, pendedahan al-Quran di peringkat rendah sangat penting bagi menampakkan keberhasilannya. Nik Rosila et al., (2007) dalam kajiannya membuktikan terdapat 77.5% pelajar tidak fasih dalam memahami isi kandungan al-Quran, manakala sebanyak 95.5% tidak mengetahui penulisan isi kandungan al-Quran. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara Jawi dengan ayat al-Quran. Islam mengajar dan menyuruh agar umatnya berfikir dengan menggunakan aqli dan ia perlu diikuti berlandaskan al-Quran dan juga Sunnah. Sepertimana dalam surah *al-Nahl* ayat 12:

وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٌ بِأَمْرِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ



*Dan Allah memudahkan bagi kamu malam dan siang dan matahari serta bulan dan bintang-bintang memudahkan dengan perintahNya untuk keperluan-keperluan kamu. Sesungguhnya yang demikian itu, mengandung tanda-tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah bagi kaum-kaum yang berfikir).*

Ayat ini dikaitkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi. Di mana manusia ini memerlukan daya usaha untuk merungkai, mensintesis dan menterjemahkan setiap perkara yang wujud di sekeliling kita dengan menghasilkan sesuatu pemikiran yang hebat dan kritis. Seseorang yang berfikir pada aras yang tinggi akan menghasilkan idea yang baru dan asli (S. Supramani, 2006). Maka guru-guru khususnya guru Pendidikan Islam berperanan dalam menguasai pelbagai teknik dan kemahiran PdPc supaya kesannya tercapai sekaligus menyahut hasrat dan halatuju pendidikan negara.

#### 4. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mengandungi beberapa objektif antaranya:

- a) Mengenal pasti tahap kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi.
- b) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan jantina.
- c) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan umur.
- d) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan tempoh pengalaman kerja.
- e) Mengenal pasti hubungan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi.

#### 5. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan kajian yang hendak di kaji antaranya:

- a) Apakah tahap kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi?
- b) Apakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan jantina?
- c) Apakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan umur?
- d) Apakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan tempoh pengalaman kerja?
- e) Apakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi?



## 6. HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini menggunakan hipotesis nul dimana ia merangkumi perbagai persoalan kajian. Hipotesis nul diambil untuk mengenal pasti pengaruh pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan. Hipotesis nul yang diuji pada paras signifikan 0.05:

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan jantina.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan umur.
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan tempoh pengalaman kerja.
- Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi.

## 7. METODOLOGI

### 7.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif di mana analisis deskriptif diperlukan untuk mengenal pasti dan meneroka secara empirikal dan sistematik berkaitan tahap kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Menurut Mohd Majid Konting (1998), beliau menyatakan bahawa kajian tinjauan ini adalah berbentuk analisis deskriptif. Creswell (2005) berpandangan bahawa kajian tinjauan merupakan asas kepada sesuatu kaji selidik berbentuk kuantitatif dan kualitatif terhadap sesuatu sampel mahupun populasi.

### 7.2 Sampel Kajian

Keterlibatan para guru telah dikaji yang melibatkan empat buah Sekolah Agama sektor A zon 6 selian Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pengkaji melibatkan 140 orang guru sekolah agama sebagai sampel kajian untuk mengenal pasti keberkesanan tahap pemahaman dan kemahiran pengajaran matapelajaran Jawi dikalangan Guru Agama. Sampel yang digunakan adalah pemilihan secara rawak mudah.

### 7.3 Instrumen Kajian

Setiap bentuk borang soal selidik ini telah diadaptasi berpandukan kajian-kajian lepas yang ada hubungan dengan kajian ini. Jesteru itu, segala instrumen yang dilaksanakan ini meliputi semua aspek kesahan dan kebolehpercayaan (Sanchez-Franco & Roldan, 2010). Setiap konstruk telah digabungkan membentuk satu instrumen yang tersusun seperti bahagian A tentang demografi, bahagian B tentang kefahaman guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi dan bahagian C tentang kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi. Skor instrumen telah menggunakan skala likert iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

## 8. DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini pengkaji akan menganalisis dapatan kajian daripada 140 jumlah responden.

### 8.1 Taburan Demografi Responden

Jadual 1: Taburan kekerapan responden

Ciri Demografi		N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	46	32.9
	Perempuan	94	67.1
Umur	18 - 29 Tahun	29	20.7
	30 – 49 Tahun	98	70.0
	50 – 60 Tahun	13	9.3
Pengalaman kerja	0-5 Tahun	9	6.4
	6-10 Tahun	30	21.4
	11-20 Tahun	84	60.0
	21 ke atas	17	12.1

Jadual di atas menunjukkan faktor jantina dimana sebanyak 46 responden (32.9%) mewakili golongan lelaki dan 94 responden (67.1%) pula telah mewakili golongan wanita. Manakala tahap umur, antaranya yang berumur 18 sehingga 29 tahun telah melibatkan sebanyak 29 responden bersamaan (20.7%). Sebanyak 98 responden bersamaan (70%) yang berumur 30 sehingga 49 tahun. Seterusnya sebanyak 13 responden bersamaan (9.3%) adalah dalam kalangan yang berumur 50 sehingga 60 tahun. Aspek pengalaman kerja, seramai 9 responden bersamaan (6.4%) telah berkhidmat lingkungan 0 sehingga 5 tahun. Manakala sebanyak 30 responden bersamaan (21.4%) telah berkhidmat pada jangka masa antara 6 sehingga 10 tahun. Seterusnya seramai 84 responden bersamaan (60%) pula telah berkhidmat selama 11 sehingga 20 tahun. Dan akhir sekali seramai 17 responden bersamaan (12.1%) telah berkhidmat selama 21 tahun dan ke atas.

### 8.2 Kefahaman dan kemahiran GA terhadap pengajaran matapelajaran Jawi

Jadual 2: Kefahaman dan kemahiran GA terhadap pengajaran matapelajaran Jawi

Faktor		N	Mean	Sisihan Piawai
Kefahaman GA	Lelaki	46	4.20	0.38
	Perempuan	94	4.23	0.45
Kemahiran GA	Lelaki	46	4.20	0.48
	Perempuan	94	4.13	0.51

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif pada tahap kefahaman guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi. Tahap kefahaman guru Agama bagi guru lelaki adalah nilai min 4.20 dan sisihan piawai 0.38. Seterusnya bagi responden perempuan pula menunjukkan bahawa nilai min 4.23 dan nilai sisihan piawai 0.45 dan sekaligus ia menunjukkan prestasi yang agak tinggi. Hal ini membuktikan bahawa guru Agama bagi lelaki dan juga perempuan berada pada tahap yang sangat baik dengan berpandukan nilai mean juga sisihan piawai. Tahap kemahiran guru Agama bagi guru lelaki adalah nilai min 4.20 dan sisihan piawai 0.48. Seterusnya bagi responden perempuan pula menunjukkan bahawa nilai min 4.13 dan nilai sisihan piawai 0.51 dan sekaligus ia menunjukkan prestasi yang agak tinggi. Hal ini membuktikan bahawa guru Agama bagi lelaki dan juga perempuan berada pada tahap yang sangat baik dengan berpandukan nilai mean juga sisihan piawai.

### 8.3 Perbezaan yang signifikan antara kefahaman dan kemahiran GA terhadap pengajaran matapelajaran Jawi

Jadual 3: Ujian T bagi faktor kefahaman dan kemahiran GA berdasarkan jantina

Faktor		N	Mean	Sisihan Piawai	t	Sig
Kefahaman GA	Lelaki	46	4.20	0.38	-0.46	0.35
	Perempuan	94	4.23	0.45		
Kemahiran GA	Lelaki	46	4.20	0.48	0.75	0.94
	Perempuan	94	4.13	0.51		

Berdasarkan jadual 3, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi ( $t = -0.46$ ;  $p < 0.05$ ) dan ( $t = 0.75$ ;  $p > 0.05$ ). Tahap kefahaman guru lelaki ( $M = 4.20$ ) adalah sama dengan guru perempuan ( $M = 4.23$ ) manakala tahap kemahiran guru lelaki ( $M = 4.20$ ) adalah sama dengan guru perempuan ( $M = 4.13$ ).

Jadual 4: Anova sehalu kefahaman guru Agama Terhadap Pengajaran Matapelajaran Jawi Berdasarkan Umur

Faktor		df	Mean	f	sig
Kefahaman GA	Dalam kumpulan	2	0.21	1.15	0.32
	Antara kumpulan	137	0.18		

Jadual 4a: Post-Hoc Anova Tukey HSD: Kefahaman Guru Agama Terhadap Pengajaran Matapelajaran Jawi Berdasarkan Umur

Umur	(J) Umur	Perbezaan Min	Sig
18- 29 Tahun	30 – 49 Tahun	-0.10	0.53
	50 – 60 Tahun	-0.21	0.31
30 - 49 Tahun	18 – 29 Tahun	0.10	0.53
	50 – 60 Tahun	-0.11	0.65
50 – 60 Tahun	18 – 29 Tahun	0.21	0.31
	31 – 40 Tahun	0.11	0.65

Ujian Post-Hoc ANOVA Tukey HSD pada jadual 4a membuktikan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman Guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan umur iaitu 18-29 tahun, 30-49 tahun dan 50-60 tahun dan nilai kawalan  $F(139) = 1.15$ ,  $p > 0.05$ . Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman Guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan umur iaitu 18-29 tahun, 30-49 tahun dan 50-60 tahun.

Jadual 5: Anova sehalu kemahiran guru Agama Terhadap Pengajaran Matapelajaran Jawi Berdasarkan Umur

Faktor		df	Mean	f	sig
Kemahiran GA	Dalam kumpulan	2	0.17	0.66	0.52
	Antara kumpulan	137	0.25		



Jadual 5a: Post-Hoc Anova Tukey HSD: Kemahiran Guru Agama Terhadap Pengajaran Matapelajaran Jawi Berdasarkan Umur

(1) Umur	(J) Umur	Perbezaan Min	Sig
18- 29 Tahun	30 – 49 Tahun	-0.11	0.52
	50 – 60 Tahun	-0.04	1.00
30 - 49 Tahun	18 – 29 Tahun	0.12	0.52
	50 –60 Tahun	-0.08	0.87
50 – 60 Tahun	18 – 29 Tahun	0.04	1.00
	31 – 40 Tahun	-0.76	0.87

Ujian Post-Hoc ANOVA Tukey HSD pada jadual 5a membuktikan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran Guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan umur iaitu 18-29 tahun, 30-49 tahun dan 50-60 tahun dan nilai kawalan F (139) = 0.66,  $p > 0.05$ . Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran Guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan umur iaitu 18-29 tahun, 30-49 tahun dan 50-60 tahun.

Jadual 6: Anova sehalu kefahaman guru Agama Terhadap Pengajaran Matapelajaran Jawi Berdasarkan Pengalaman Kerja

Faktor	df	Mean	f	sig
Kefahaman GA	Dalam kumpulan	3	0.15	0.81
	Antara kumpulan	136	0.18	

Jadual 6a: Post-Hoc Anova Tukey HSD: Kefahaman Guru Agama Terhadap Pengajaran Matapelajaran Jawi Berdasarkan Pengalaman Kerja

(1) P. Kerja	(J) Pengalaman Kerja	Perbezaan Min	Sig
0-5 Tahun	6 – 10 Tahun	0.22	0.54
	11 – 20 Tahun	0.10	0.91
	21 ke- atas	0.12	0.91
6-10 Tahun	0 – 5 Tahun	-0.22	0.54
	11 –20 Tahun	-0.12	0.58
	21 ke-atas	-1.00	0.88
11-20 Tahun	0–5 Tahun	-1.00	0.91
	6-10 Tahun	-0.12	0.58
	21 ke-atas	0.02	1.00
21 Ke-atas	0–5 Tahun	-0.12	0.91
	6 – 10 Tahun	1.00	0.87
	11 –20 Tahun	-0.02	1.00

Ujian Post-Hoc Anova Tukey HSD pada jadual 6a membuktikan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman Guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan pengalaman kerja iaitu 1-5 tahun, 6-10 tahun, 11-20 tahun dan 21 tahun ke atas dan nilai kawalan F (139) = 0.81,  $p > 0.05$ . Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman Guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan pengalaman kerja iaitu 1-5 tahun, 6-10 tahun, 11-20 tahun dan 21 tahun ke atas.

Jadual 7: Anova sehalu kemahiran guru Agama Terhadap Pengajaran Matapelajaran Jawi Berdasarkan Pengalaman Kerja

Faktor		df	Mean	f	sig
Kemahiran GA	Dalam kumpulan	3	0.45	1.81	0.15
	Antara kumplan	136	0.25		

Jadual 7a: Post-Hoc Anova Tukey HSD: Kemahiran Guru Agama Terhadap Pengajaran Matapelajaran Jawi Berdasarkan Pengalaman Kerja

(I) P. Kerja	(J) Pengalaman Kerja	Perbezaan Min	Sig
0-5 Tahun	6 – 10 Tahun	0.13	0.91
	11 – 20 Tahun	-0.00	1.00
	21 ke- atas	0.29	0.52
6-10 Tahun	0 – 5 Tahun	-0.13	0.91
	11 –20 Tahun	-0.13	0.61
	21 ke-atas	0.16	0.73
11-20 Tahun	0–5 Tahun	0.00	1.00
	6– 10 Tahun	0.13	0.61
	21 ke-atas	0.29	0.14
21 Ke-atas	0–5 Tahun	-0.28	0.52
	6 – 10 Tahun	-0.16	0.73
	11 –20 Tahun	-0.29	0.14

Ujian Post-Hoc Anova Tukey HSD pada jadual 7a membuktikan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran Guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan pengalaman kerja iaitu 1-5 tahun, 6-10 tahun, 11-20 tahun dan 21 tahun ke atas dan nilai kawalan F (139) = 1.81,  $p > 0.05$ . Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran Guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi berdasarkan pengalaman kerja iaitu 1-5 tahun, 6-10 tahun, 11-20 tahun dan 21 tahun ke atas.

#### 8.4 Hubungan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi

Analisis Kolerasi Person telah di lakukan bagi mengenal pasti terdapat hubung kait antara dua pembolehubah iaitu tahap kefahaman dan juga tahap kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi. Jadual 8 telah membuktikan bahawa pekali Kolerasi Person antara kedua pembolehubah ini adakah  $r = 0.22$ ,  $P = 0.08$  ( $p > 0.05$ ). Ini menunjukkan tahap kefahaman dan kemahiran berhubung kait secara positif dengan kekuatan perhubungan adalah sederhana. Maka hipotesis nol ( $H_0$ ) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi adalah di tolak.

Jadual 8: Kefahaman Guru Agama Terhadap Pengajaran Matapelajaran Jawi

Konstruk	Pekali Korelasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interpretasi Kekuatan Hubungan
Tahap kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi	0.22**	0.08	Sederhana

\*\*Hubungan signifikan pada aras 0.01

## 9. PERBINCANGAN

### 9.1 Tahap Kefahaman Dan Kemahiran Guru Agama Terhadap Pengajaran Matapelajaran Jawi

Berdasarkan hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi adalah nilai min 4.22 dan sisihan piawai 0.42 dan tahap kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi adalah nilai min 4.17 dan sisihan piawai 0.50. Ini membuktikan bahawa tahap kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran Jawi adalah tinggi.

Keadaan ini menunjukkan bahawa setiap guru mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan yang luas dari pelbagai aspek pengajaran dan juga pembelajaran sekaligus membuatkan keberkesanan tahap prestasi murid itu sangat positif. Guru seharusnya boleh menguasai pelbagai bahasa supaya gaya Pdpc itu menjadi menarik dan menyeronokkan dikalangan para pelajar. Keupayaan dalam kuasai kemahiran Jawi merupakan satu elemen yang penting kepada Pendidikan Islam, di mana sebahagian bentuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam adalah berbentuk tulisan Jawi dan para pelajar juga diwajibkan cekap dalam penggunaan ilmu Jawi ini supaya mereka fasih membaca al-Quran menurut pandangan (Norizan & Nor Azan, 2013). An-Nashmy, (1980) berpandangan bahawa, para pendidik sewajarnya pandai mencorakkan pelbagai kaedah dan teknik dalam Pdpc dan mempelbagaikan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang terkini. Justeru, guru yang berkesan adalah simbol kepada sesuatu kejayaan dalam tugas mereka dan akhirnya dapat diterjemahkan kepada kecemerlangan murid.

### 9.2 Perbezaan Yang Signifikan Kefahaman Dan Kemahiran Guru Agama Terhadap Pengajaran Matapelajaran Jawi

Hasil analisis diskriptif menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap matapelajaran Jawi berdasarkan beberapa faktor antaranya dari segi jantina, umur, dan tempoh pengalaman kerja. Daripada dapatan kajian yang menggunakan ujian-t yang melibatkan dua pemboleh ubah yang dikaji dan anova sehalu serta post-Hoc Tukey HSD yang telah melibatkan tiga pemboleh ubah yang telah dikaji berdasarkan jadual dalam bab empat.

Menurut pandangan (Mohammed Sani, Ahmad Zabidi, & Husaina Banu, 2015), sesuatu ilmu mahupun kemahiran ini dapat menentukan tahap prestasi sesuatu perkhidmatan seseorang pegawai dalam melakukan tugas yang telah di amanahkan olehnya. Guru yang professional bermaksud seseorang yang memiliki dan boleh memahami secara mendalam terhadap pelbagai ilmu secara dinamik, reflektif sekaligus boleh diterjemahkan dalam nilai dan budaya yang baik secara menyeluruh melalui penerapan proses pengajaran dan juga pembelajaran mengikut pandangan (Jhon Helmi, 2015). Bakat kepimpinan seseorang guru itu sangat di tagih dalam berkongsi khidmat mereka berdasarkan kepada pengalaman, latihan atau kursus, latar belakang pendidikan dan bakat ke arah meningkatkan kualiti guru itu sendiri.

### 9.3 Hubungan Yang Signifikan Antara Kefahaman Dan Kemahiran Guru Agama Terhadap Pengajaran Matapelajaran Jawi

Hasil kajian inferensi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman dan kemahiran guru Agama terhadap pengajaran matapelajaran Jawi. Kedua pemboleh ubah ini mempunyai hubungan yang positif dan berkaitan antara satu sama lain dan tahap kekuatan berada pada tahap sederhana. Nilai kolerasi berada pada tahap yang sederhana ( $r= 0.22$ ) membuktikan bahawa tahap kefahaman dan kemahiran seorang pendidik dalam Pdpc dapat menaikkan tahap keberkesanan murid.

Menurut (Bass & Avolio, 1994) cara berfikir dengan proaktif dapat membuat andaian dan juga kesimpulan terhadap sesuatu perkara yang lebih baik. Setiap guru sentiasa diberikan pelbagai informasi baru dan boleh mempertingkatkan gaya usaha demi kejayaan anak didiknya. Kepuasan guru dalam sesuatu pekerjaan menjadi satu indikator yang sangat penting bagi menjamin kesejahteraan guru dan murid. Betapa pentingnya kaedah pengajaran ini bagi guru-guru sehingga jika seseorang guru itu mempunyai semua elemen kelayakan akademik yang cemerlang belum tentu lagi ia menjadi boleh menjamin kecemerlangan pelajarinya melainkan guru tersebut memiliki kaedah mengajar yang bersistematik menurut pandangan (Mohd Zaidi, 2005).

Pemikiran yang kreatif bagi seseorang Guru pendidikan Islam dalam menyesuaikan kaedah pengajaran perlu dilihat sesuai dan efektif supaya ia dapat diterjemahkan kepada pelajar-pelajar dalam usaha untuk mendapat manfaat pengajaran matapelajaran Jawi yang berkesan. Oleh demikian, pendekatan dalam membina sesuatu teknik pengajaran Jawi perlu diukur juga berpandukan konsep yang sesuai supaya implikasi pendekatan Jawi tersebut terbukti kukuh. Guru yang mempunyai kompetensi yang tinggi menunjukkan perkaitan yang sangat utuh antara tahap kefahaman dan kemahiran mereka.

## 10. KESIMPULAN

Di sini dapatlah dirumuskan bahawa guru Agama memerlukan ilmu pengetahuan yang tinggi dan luas selari dengan kehendak dunia masa kini. Dalam melahirkan pelajar yang berkemahiran dan berpengatahuan luas, seorang pendidik memerlukan usaha yang jitu bagi membina keperibadian pelajar tersebut dari pelbagai sudut. Justeru, guru-guru Agama khususnya harus menguasai pelbagai teknik atau cara pengajaran dan pembelajaran seperti kaedah Pak-21 setanding dengan semua guru pada masa kini. Dengan ilmu pengetahuan yang luas dan banyak akan memberikan kelebihan kepada proses Pdpc yang berkesan sekaligus pandangan masyarakat luar terhadap guru Agama ini sangat tinggi.

## RUJUKAN

Al-Quran

Abd Rahim Abd Rashid et al. 2000. Panduan Latihan Mengajar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ab Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010.

Ableser, J. (2012). Exemplary teaching practices across educational contexts (P-20+): Unifying principles and an ecological model for teaching for all to learn. *Journal of Teaching and Learning*.

Akmariah Mamat & Sofia Ismail. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pemulihan Jawi di Malaysia. *Proceeding of The 4th International Conference; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010*.

Al-Syaibani & Omar Muhammad al-Toumy. (1991). *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Hassan Langgulung. Shah Alam: Hizbi.

- Asyraf Ridwan Ali. (2013). Pelestarian pengajaran Jawi dalam mendidik murid-murid di sekolah rendah orang asli. Prosiding Antarabangsa Pembangunan Mualaf 2013 (ICMuD 2013), Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 7-8 September 2013.
- Azman Wan Chik. (1987). Kaedah Hayati Amali. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Bass et al. 1994. Improving Organizational Effectiveness through Transformational Leadership. United States of America: Sage Publications, Inc.
- Bhasah Abu Bakar et al. 2012. Persepsi pelajar terhadap keberkesanan program j-QAF dalam kalangan pelajar tingkatan 1 – Satu kajian kes. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012. Johor Bahru: The Zon Regency By The Sea Johor Bahru.
- Chua Yan Piaw. (2014). Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Kaedah Penyelidikan Edisi Ketiga. Dapat Memupuk Perpaduan Kaum. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abd Hamid & Niswa @ Nuralina Abdullah. (2009). Penguasaan tulisan Jawi di kalangan mahasiswa Pengajian Islam: kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan. Jurnal Al-Tamaddun, bil. 4 (2009).
- Ghazali Yusri et al. 2010. Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM). GEMA Online™ Journal of Language Studies, 10(3).
- Jhon Helmi. (2015). Kompetensi Profesionalisme Guru. Al-Ishlah Jurnal Pendidikan, 7(2), 318336.
- Kamarudin Husin. (1994). KBSM dan Strategi Pengajaran Bahasa. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. (2014). Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF. Bahagian Pendidikan Islam.
- Madiah Mohamad. (2007). Penguasaan kemahiran Jawi di kalangan murid Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Kebangsaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dissertation (M.Ed.), Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2007.
- Majid, K. (1998). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mardhiyyah Md Sahmilin. (2012). Penggunaan ‘Kaedah Tiru Macam Saya’ membantu menyambung huruf Jawi tunggal dalam kalangan murid tahun tiga. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012.
- Mohammed Sani Ibrahim et al. 2015. Strategi Implementasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Mohd Aderi Che Noh. (2009). Amalan Pengajaran Tilawah al-Qur'an: satu Tinjauan terhadap Persepsi Guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia. *Journal of Islamic and Education* 1 (1).
- Mohd Zaidi Mohd Zain. (2005). Metodologi Pengajian Bahasa Arab: Kajian di Sekolah Agama Raudah Al-Nazirin, Jerimbong, Jeli, Kelantan. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mok, S.S 2006. Nota pengurusan pengajaran-pembelajaran. Kuala Lumpur: MultimediaES Resources Sdn Bhd
- Murni Hashim. (2013). Meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dan menjawab perkataan rumi murid tahun 2 dengan menggunakan sifir Jawi, Jadual Daftar Ejaan Jawi-Rumi dan Jadual Kelompok Huruf Jawi. Ipoh: SK Raja Chulan.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan Islam*, Jld. 22.
- Normazidah Mahmood. (2012). Penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru peringkat sekolah rendah: Satu penilaian. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan.
- Norizan Mat Diah & Nor Azan Mat Zin. (2013). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Asas Jawi Bagi Kanak-Kanak Pra Sekolah. *ESTEEM Academic Journal*, Vol.9, No.2, December 2013.
- Nur Syamira Abd Wahab et al. 2016. Aplikasi permainan bahasa bermultimedia ke arah memacu peningkatan kefahaman al-Quran dan Jawi. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*. Vol. 1, No. 1, 2016.
- Siti Fatimah Saufee. (2006). Penguasaan tulisan Jawi di kalangan murid-murid tahap satu di sekolah rendah di Daerah Meradong. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Rajang Bintangor, Sarawak.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1990). Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Unit Perancang Ekonomi.(2010). Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. Putrajaya.